

03 APR 1997

Mahathir-Parlimen

MAHATHIR PERTAHAN ANGGOTA PARLIMEN BERHUBUNG KEHADIRAN DI PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kehadiran yang kadang kala sedikit oleh wakil-wakil rakyat semasa persidangan Parlimen tidak wajar dijadikan sebagai penunjuk untuk menilai mereka.

Beliau berkata ada kalanya anggota-anggota Parlimen berada di luar dewan tetapi masih boleh mendengar prosiding menerusi sistem siar raya.

"Jika kita melihat jumlah mereka di dalam dewan, ya. Tetapi mereka berada di luar. Kita menyediakan siaran prosiding dan kita boleh mendengar semasa berada di coffehouse, ruang rehat dan tempat-tempat lain," katanya ketika diminta mengulas mengenai tinjauan oleh sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris mengenai kehadiran anggota Parlimen semasa persidangan Parlimen.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas lawatan sehari ke Universiti Putra Malaysia (UPM) (sebelum ini dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia) di Serdang dekat sini, Dr Mahathir berkata ia tidak bererti bahawa jika seseorang anggota Parlimen tidak berada di dalam dewan semasa prosiding, beliau tidak turut serta.

"Kita boleh lihat apabila ada sesuatu perkara penting (dibahas atau dibangkitkan), mereka akan berlari (untuk masuk ke dalam dewan)," katanya.

Beliau berkata walaupun tinjauan oleh akhbar harian berbahasa Inggeris itu boleh dijadikan sebagai penunjuk, ia bagaimanapun "bukan ukuran mutlak mengenai ketekunan" anggota-anggota Parlimen.

Dr Mahathir berkata beliau bagaimanapun gembira dengan usaha akhbar itu dalam menjalankan tinjauan itu.

Ketika ditanya sama ada terdapat cadangan untuk menaikkan elaun anggota Parlimen, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak meminta gaji yang lebih besar. Saya sangat gembira dengan gaji saya."

"Tetapi, ada sesetengah pihak yang berpendapat melainkan mereka mempunyai gaji yang lebih besar daripada pegawai bawahan mereka, status mereka tidaklah lebih tinggi berbanding pegawai bawahan mereka...Saya tidak berpendapat gaji ada kaitan (dengan pencapaian seseorang)," katanya. --

BERNAMA

ES AKD